

**TITAH  
DULI YANG TERAMAT MULIA  
RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN  
RAJA NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH  
DI MAJLIS WACANA ILMU UiTM**

*“PERANAN INSTITUSI RAJA MELAYU  
DALAM MEMUPUK PERPADUAN WARGA”*

**TARIKH: 25 JULAI 2011 (ISNIN), MASA 10:00 PAGI.  
TEMPAT: DEWAN AGONG TUANKU CANSELOR  
UiTM SHAH ALAM**

Bismillahi Rahmani Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera.

Segala puji milik ALLAH Subhanahu Wata’ala. Maha Suci ALLAH yang berkuasa di atas segala Kerajaan dan Maha berkuasa atas segala sesuatu<sup>1</sup>; lalu menentukan darjat dan kemuliaan serta tugas dan tanggung jawab di kalangan makhluk Nya.

2. Selawat dan salam kesejahteraan ke atas Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alai Wassalam, semulia-mulia kejadian; demikian juga ke atas keluarga dan para sahabat Baginda yang merupakan bintang-bintang penunjuk mencernakan cahaya,

---

<sup>1</sup> Al-Quran: Surah Al-Mulk (Kerajaan), ayat 1.

seterusnya ke atas sekalian para Tabiin dan para ulama yang berperanan sebagai penyuluh daripada kegelapan. Semoga memperoleh ihsan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sehingga ke hari kebangkitan.

3. Beta bersyukur ke hadrat ILAHI kerana dengan inayat dari Nya juga, Beta dapat berangkat ke Universiti Teknologi Mara, untuk mengatur kata – merangkai ayat, mengungkap pandangan – menzahirkan pendapat atas mauduk '*Peranan Institusi Raja Melayu Dalam Memupuk Perpaduan Warga*'. Terkandung tiga kata kunci dalam mauduk yang akan dihuraikan; pertama: *Institusi Raja<sup>2</sup>Melayu*, kedua: *warga*, dan ketiga: *memupuk perpaduan*.

4. Tema ini berpotensi mengundang pelbagai pandangan. Semoga di sebalik segala kepelbagaian pandangan itu, pada akhirnya nanti, kita akan bersua dalam satu laluan intelek yang membolehkan berlakunya pertemuan pemikiran secara objektif lagi rasional; menerima hakikat bahawa perbezaan pandangan itu sebenarnya adalah satu kekuatan yang dapat membantu berlakunya keseimbangan dan konsensus dalam hasrat membina satu persefahaman – satu semangat, untuk membangunkan sebuah negara bangsa yang berdaulat lagi merdeka, gagah lagi perkasa, adil lagi saksama, makmur lagi sejahtera.

---

<sup>2</sup> Terma Raja, Sultan, Pemerintah dan Takhta digunakan bersilih ganti dalam kertas ini.

5. Kepada diri Beta, Institusi Raja Melayu adalah subjek yang mempunyai keistimewaan dan amat menghidupkan minda. Beta terlebih dahulu mengisytiharkan kepentingan Beta sebagai seorang Raja Muda kepada Negeri Perak Darul Ridzuan serta pewaris takhta yang sering kali diberikan amanah menyempurnakan tanggung jawab Pemangku Raja. Dengan demikian, Beta tidak terlepas dari melakukan penilaian bersifat peribadi. Namun status tersebut sebenarnya memberikan kelebihan, membolehkan Beta melakukan penilaian dari perspektif dalaman serta melakukan tafsiran berasaskan pengalaman yang pernah dan sedang dilalui.

6. Institusi Raja Melayu telah lama berakar subur di bumi ini; institusi pemerintahan yang lengkap, tersusun lagi teratur. Raja Pemerintah silih berganti tetapi setiap Kerajaan berupaya meneruskan tradisi – mengekalkan identiti bangsa. Kesultanan Melayu itu adalah satu manifestasi – satu lambang keagungan tamadun bangsa dan berkembang subur di bumi ini. Sembilan Raja Melayu bersemayam di takhta pemerintahan di sembilan negeri berdaulat sebelum terbinanya sebuah Persekutuan. Persekutuan Tanah Melayu, adalah gabungan sembilan negeri berdaulat dengan dua negeri Selat, dilahirkan setelah mendapat perkenan sembilan Raja Melayu, diperluaskan kemudiannya dengan penyertaan Sabah dan Sarawak untuk membentuk negara Malaysia.

7. Ketika merangka formula membentuk kerajaan merdeka, sistem pemerintahan beraja terlalu berharga untuk dilepaskan, sebaliknya kekal diluhurkan dengan sebaik-baik pendekatan dalam Perlembagaan Persekutuan begitu juga Perlembagaan Negeri. Tunku Abdul Rahman (Almarhum) telah memilih untuk mengasaskan sistem berkerajaan dan bernegara yang menggabungkan institusi Raja dengan institusi rakyat, memperkenalkan konsep Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Kedaulatan Raja diberikan wajah baru, dirangkaikan dengan suara rakyat dalam satu ikatan harmoni.

8. Raja Berperlembagaan adalah satu kelangsungan pemerintahan beraja; kelangsungan yang mungkin dianggap ketinggalan zaman di kalangan sesetengah pihak yang kurang mendalami salasilah dan falsafah di sebalik institusi ini. Unsur-unsur ketidakselesaan terhadap institusi Raja, sebenarnya telah mengetepikan penilaian objektif, akan proses dinamik, evolusi perkembangan pemerintahan yang dicipta kembali dan secara berterusan mentakrifkan semula peranan Raja, seiring dengan keperluan semasa. Takrifan semula tersebut, telah menyuntik elemen-elemen baru dari segi struktur, fungsi, kerelevanan dan keberkesanan berpandukan klausa-klausa yang termaktub dalam *Perlembagaan Merdeka* yang digubal untuk sebuah negara *Persekutuan* yang baru dimasyhurkan.

9. Persekutuan Tanah Melayu ketika mempunyai opsi untuk menggubal Perlembagaan Merdeka tidak sekadar mengekalkan tradisi beraja di peringkat negeri tetapi turut memperkenalkan satu lagi lapisan pemerintahan beraja ke dalam sistem Persekutuan melalui pelantikan seorang Raja bertaraf lebih tinggi. Proses ini sesungguhnya telah mengangkat martabat institusi Raja Melayu ke tahap yang lebih agung. Bahawa pemerintahan beraja di bumi ini bukannya tidak bermaya malah bertenaga dan kembali cergas, dengan perimbangan formula yang terus mengekalkan tradisi dalam perjalanan menuju modenisasi. Pada hakikatnya, ia telah mengekalkan kekayaan istiadat yang beraneka warna, kukuh teranyam dalam tradisi negara bangsa, lantas menambahkan suasana gemilang penuh harmoni.

10. Kerajaan merdeka berteraskan sistem Raja Berperlembagaan mencerminkan satu inovasi besar. Sungguhpun ia adalah adaptasi dari model British, ia memiliki keaslian identiti. Barisan pengasas yang merangka sistem tersebut secara bijaksana berupaya memenuhi hak dan jangkaan sembilan Raja Melayu serta tuntutan dan konstituen politik yang diwakili oleh Perdana Menteri di peringkat Persekutuan dan Menteri Besar di peringkat negeri.

11. Matlamat dan visi umum negara adalah untuk mencapai satu tahap perpaduan yang dilambangkan melalui seorang Raja yang

agung; seorang Raja Agung yang berjaya menguasai kesetiaan setiap warga Malaysia. Ia memerlukan perwujudan satu jawatan baru – Yang di Pertuan Agong atau Raja kepada seluruh Persekutuan – secara harfiahnya gelaran tersebut bermaksud '*Dia yang terulung dari kalangan kami*' – ia itu *primus inter pares*. Terulung dari kalangan kami kerana terdapat persoalan rumit yang perlu ditangani secara bijaksana memandangkan terdapat sembilan calon yang perlu dipertimbangkan. Siapakah di kalangan sembilan Raja yang harus dinobatkan? Persoalan ini diselesaikan secara mesyuarah, mengadaptasi prinsip demokrasi dengan memperkenalkan susunan adab, menabalkan Yang Dipertuan Agong secara bergilir setiap lima tahun, di kalangan sembilan Raja Melayu; satu amalan yang tidak terdapat di mana juga di dunia ini. Raja-Raja telah memberi perkenan kepada penciptaan amalan pelantikan Yang Dipertuan Agong yang amat unik ini.

12. Bahawa telah berlaku perkembangan radikal terhadap warisan pra-modern dan pra-kolonial ini, untuk kekal bertahan dalam jelmaan baru. Bahawa telah tercipta satu aturan politik dan amalan demokrasi yang istimewa. Bahawa sebahagian dari keluhuran yang terbina dalam sistem pemerintahan beraja ialah keabadian institusi tersebut dalam dunia yang sering berubah dan senantiasa bergolak. Institusi Raja adalah institusi utama negara, diperlukan berperanan sebagai instrumen kesatuan dalam kepelbagaian. Raja

bersemayam di atas takhta untuk memerintah dan tidak mentadbir urusan harian, berpendirian berkecuali dari polemik politik tetapi kekal untuk memberikan satu jaminan ketenteraman psikologi di kalangan warga yang terdiri dari pelbagai kaum, pelbagai agama, pelbagai budaya, pelbagai bahasa.

13. Konsep *warga* atau rakyat di negeri Melayu Beraja pada zaman silam, berpaksikan Raja, berlainan dengan tradisi di Eropah. Warga kepada Raja Melayu tidak menetap dalam wilayah sempadan geografi mengikut tradisi di Eropah, tetapi hidup tertakluk kepada citra kesetiaan seseorang insan untuk berada di bawah payung naungan Raja<sup>3</sup>; bermula dari sebuah kampung, kepada sebuah mukim, kepada sebuah jajahan; menjunjung kesetiaan, memilih berada di bawah naungan seseorang Raja. Meski berada pada lokasi berjauhan dari pandangan mata, kesetiaan kepada Raja kekal di hati. Di negeri Perak, tradisi mempamerkan simbol kesetiaan rakyat kepada Raja, meskipun berjauhan, dilambangkan melalui '*ADAT MENJUNJUNG DULI*' yang dilakukan oleh Pewaris Takhta, Raja Bergelar dan Orang Besar Negeri terhadap Raja Pemerintah.

14. Istilah '*Kerajaan*' berasal dari perkataan Sanskrit '*Ke-raja-an*', mengandungi istilah '*RAJA*' bermaksud '*rakyat yang tertakluk kepada*

---

<sup>3</sup> Timothy P. Barnard (editor), *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. (Singapore: University Press, 2004), x-xiii, 1-8.

*kedaulatan seorang Raja Pemerintah*'.<sup>4</sup> Di manakah letaknya sumber kedaulatan Raja Melayu? Kamus-kamus Melayu mentafsirkan bahawa *daulat* adalah darjat kemuliaan tinggi yang diberikan kepada Raja Melayu dilengkapi dengan hak dan kuasa atas segala urusan untuk memerintah. Faktor-faktor *aman, makmur* dan *harmoni* di dalam negara adalah kayu ukur untuk menilai tahap kedaulatan seseorang Raja Melayu. Kepada Raja Melayu, amatlah penting dipastikan pemerintahan Baginda berjaya menjamin wujudnya suasana *keamanan, kemakmuran* dan *keharmonian* kerana perpaduan tidak mungkin dicapai tanpa adanya tiga elemen tersebut. Tahap perpaduan yang berjaya dipupuk di dalam negara menjadi pengukur menentukan penerimaan rakyat terhadap Raja dan kerajaan Baginda. Raja adalah lambang dan jati diri kerajaan, tanpa kerajaan tidak akan wujud sebuah negara, dan tanpa negara tidak ada ertinya sesuatu bangsa.

15. Perpaduan dimulakan dari puncak takhta pemerintahan, di antara Raja dengan pembesar negeri, di antara pembesar negeri sesama pembesar negeri, di antara rakyat sesama rakyat dan yang lebih utama di antara Raja dengan rakyat. Terungkap kata-kata kesetiaan, '*Bahawa Raja dan rakyat berpisah tiada*'. Betapa pentingnya ikatan Raja dan rakyat itu terkandung dalam titah amanat Sultan Alauddin kepada anakanda Baginda,

---

<sup>4</sup> Anthony Milner, *The Malays*, (West Sussex: Wiley-Blackwell, 2008), 30, 47-74.



Petikan, “....rakyat itu umpama akar, Raja itu umpama pohonnya, jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri. Demikianlah Raja-Raja itu dengan segala rakyatnya...”<sup>5</sup>

**Petikan catatan Tun Seri Lanang dalam Sulalat al-Salatin.**

16. Kedaulatan *Institusi Raja* sejak zaman berzaman berupaya memupuk perpaduan bersumberkan kebijaksanaan. Raja menggabungkan tiga elemen utama yang menjadi tonggak Kesultanan Melayu, ia itu *Islam*, *adat* dan *muafakat*, lalu dijemakan kepada tenaga penyatuan yang amat dinamik.

17. *Islam*, *adat* dan *muafakat* merupakan serapah sakti dalam menggariskan tatanegara sosial dan sivil hingga berjaya mendaulatkan pemerintahan Raja Melayu serta berperanan sebagai perekat sosial terselindung, berupaya menyatupadukan warga; dan betapa dalam budaya Kerajaan Kesultanan Melayu, tiga elemen utama tersebut berjaya disepadukan, berperanan sebagai instrumen berkesan, membendung sebarang kemungkinan yang boleh mencetuskan persengketaan.

18. Elemen pertama: *Islam*. Di suatu masa yang lalu, mitologi digunakan sebagai sumber kehebatan kuasa Raja. Selepas

---

<sup>5</sup> Tun Seri Lanang, Sulalat al-Salatin, (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 152.

kedatangan Islam, keabsahan dan kekuasaan Raja beralih bersumberkan Allah Yang Maha Perkasa<sup>6</sup>. Daulat itu disedari datangnya dari ALLAH Subhanahu Wata'ala. Kebesaran, kekuatan dan keagungan Raja Melayu, demikian juga penilaian terhadap baik buruk seseorang Raja disandarkan kepada iman terhadap ALLAH di samping adat Melayu<sup>7</sup>.

19. Islam mempengaruhi dan mencorakkan pendekatan pemerintahan Raja Melayu, beralih dari pemerintahan berpaksikan individu kepada pemerintahan berpaksikan undang-undang. Islam telah mencorakkan sistem semak dan imbang terhadap kuasa Raja, memastikan Raja bersikap adil, insaf akan sumber kuasa yang dipinjamkan dari ILAHI, dan perlu menyempurnakan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah berpandukan Al-Quran - bersandarkan Sunah Rasul. Tuntutan agama Islam amat ketara dalam deskripsi Raja Melayu<sup>8</sup>. Terkandung di dalam *Kanun* bahawa seorang Raja perlulah mengamalkan sifat-sifat perkasa lagi tegas, adil lagi saksama, pengampun lagi belas kasihan. Sifat pengampun dan belas kasihan adalah antara sifat yang diutamakan di dalam Islam. Kuasa Raja tidak dipertikaikan, selagi Raja tidak memperlihatkan sifat-sifat yang menyeleweng dan selagi Raja mematuhi perintah dan hukum yang

---

<sup>6</sup> Yayasan Karyawan, Pengenalan Konsep dan Gagasan Karya Agung, (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2000), 22.

<sup>7</sup> Ibid, 23.

<sup>8</sup> Virginia Matheson Hooker, Kajian dan Pengenalan, Raja Ali Haji, Tuhfat al Nafis, (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka 1998) xvi.

telah termaktub. Undang-undang Melaka<sup>9</sup> menggariskan bahawa martabat tinggi seseorang Raja dinilai dari sudut amal makruf Baginda menyempurnakan tanggung jawab. Islam berperanan sebagai kompas panduan kepada pembentukan moral dan jati diri, lalu ditempatkan di peringkat teratas dalam kehidupan Raja. Digambarkan oleh Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al Nafis*, bahawa fungsi utama penyandang gelaran Raja adalah untuk menjunjung hukum Allah di muka bumi, bahawa krisis akan terjadi jika perintah Allah diingkari, dan apabila Raja memerintah dengan nafsu.<sup>10</sup> Diperingatkan kepada Raja dan kepada pembesar negeri, demikian juga kepada pewaris takhta akan pentingnya takwa, akan pentingnya keadilan, akan pentingnya hari kebangkitan, akan pentingnya tanggung jawab sesama ummah.

20. Tindakan tegas dikenakan terhadap sebarang penyelewengan seperti dihikeyatkan dalam karya-karya agung. Di dalam Hikayat Aceh dicatatkan kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarah di antara Raja-Raja dan kadi-kadi untuk menurunkan Sultan Seri Alam dari takhta Kerajaan kerana sifat boros Baginda; demikian pula tindakan yang dilakukan ke atas Sultan Zainal Abidin apabila Baginda bersifat zalim<sup>11</sup>. Sultan Mansor Shah tidak ada pilihan dari menjatuhkan hukuman membuang negeri dari bumi Melaka ke atas

---

<sup>9</sup> Teks abad ke 14

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Teuku Iskandar, Kajian dan Pengenalan Hikayat Aceh, (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2001) 30-31.

putera Baginda setelah putera Baginda itu membunuh anakanda kepada Bendahara Tun Perak.

21. Elemen kedua: *Adat*. Dalam istilah istana Kesultanan Melayu *adat* merujuk kepada undang-undang. Paradigma budaya bangsa disandarkan kepada *adat*, dan *adat* pula bersendikan hukum, hukum bersendikan *Kitabullah* ia itu Kitab ALLAH. Raja Melayu meskipun berada di puncak kuasa, Baginda melaksanakan pemerintahan berlandaskan undang-undang yang menjadi teras keadilan. Undang-undang dikuatkuasakan secara saksama, secara adil, secara telus tanpa memilih kasih, lalu meningkatkan integriti pemerintahan Raja. Integriti adalah akar yang menentukan darjat dan daulat seseorang Raja, kebesaran dan kemuliaan sesebuah takhta, keagungan dan kehebatan sesebuah Kerajaan.

22. Prinsip kesetiaan rakyat kepada Raja yang berpaksikan keadilan tidak mengizinkan Raja mengamal sifat '*Bersultan di mata - Beraja di hati*'. Adat senantiasa dijunjung dalam hubungan dua hala antara Raja dan rakyat, selaras dengan semangat perjanjian yang termeterai antara Seri Teri Buana dengan Demang Lebar Daun, yang meletakkan *magna carta* Melayu bertuankan Raja, bersandarkan prinsip keadilan sejagat yang dimanifestasikan melalui kata-kata '*Raja Adil-Raja Disembah; Raja Zalim-Raja Disanggah*'.

23. Perjanjian tersebut adalah kontrak sosial yang diikat antara Institusi Raja dengan institusi rakyat. Kontrak sosial yang seimbang, dijadikan pedoman Raja – dijadikan sandaran rakyat. Kerana itu tercatat di dalam hikayat bahawa kata-kata '*Raja Zalim – Raja Disanggah*' dilaungkan oleh Hang Jebat ketika menentang kezaliman Raja Melaka, diungkapkan oleh Megat Seri Rama dalam peristiwa Sultan Mahmud mangkat dijulang dan ditangiskan oleh Sang Rajunatapa ketika mengambil keputusan membuka pintu Kota kepada tentera Majapahit, apabila Raja tanpa usul periksa menjatuhkan hukum sula kepada anaknya Dang Anum yang difitnah bermukah.

24. Elemen ketiga: *muafakat*. Islam menganjurkan *syura*, Raja Melayu mengamalkan mesyuarah, permuafakatan di antara Raja bersama pembesar negeri untuk mencari kata sepakat. Dalam menyempurnakan tanggung jawab memerintah negeri, Raja tidak bertindak sendirian. Raja mengamalkan budaya perundingan untuk mendapatkan pandangan dan dengan pemikiran yang terbuka menilai setiap berita. Budaya mesyuarah diamalkan oleh Raja Melayu malah diberikan peringatan turun temurun sebagaimana terkandung dalam pesanan Sultan 'Alauddin kepada anakanda Baginda:

Petikan: ‘...Syahadan hendaklah engkau muafakat dengan segala perdana menteri dan segala orang besar-besar, kerana Raja-Raja itu jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya sekalipun, jikalau tiada ia muafakat dengan segala pegawai, tiada akan sentosa adanya, dan tiada akan dapat ia melakukan adilnya...’<sup>12</sup>

**Petikan dari Tun Seri Lanang, Sulalat al-Salatin.**

25. Bolehlah dirumuskan bahawa benih demokrasi telah tersemai di Istana Raja Melayu. Kesultanan di negeri Perak Darul Ridzuan masih mengekalkan elemen muafakat yang dilangsungkan melalui institusi yang dikenali sebagai *Dewan Negara Perak*, berperanan sebagai badan perunding, membincangkan perkara-perkara untuk memelihara nama baik pemerintahan negeri serta membantu meningkatkan keberkesanan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan. Melainkan bagi urusan lantikan Sultan yang baru apabila berlaku kemangkatan, persidangan *Dewan Negara Perak* dipengerusikan oleh Paduka Seri Sultan. *Dewan Negara Perak* dianggotai oleh Raja Muda, Raja Di Hilir, empat Raja Bergelar, empat Orang Besar Empat, lapan Orang Besar Delapan dan dua belas *orang tua-tua* (seorang daripadanya dari bukan Melayu) yang

---

<sup>12</sup> Tun Seri Lanang, *Sulalat Al-Salatin*, (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 152

dilantik oleh Paduka Seri Sultan; berserta Menteri Besar dan Mufti Kerajaan Negeri sebagai ahli kerana jawatan.

26. Tatasusila adab berkerajaan yang lengkap dengan instrumen pemerintahan telah mewujudkan sistem pemerintahan yang berupaya menyemak dan mengimbang bidang kuasa Raja demi memastikan Raja menyempurnakan pemerintahan secara saksama, negara makmur dan warga sejahtera. Perimbangan kuasa dan kesaksamaan pemerintahan telah menghidupkan semangat harmoni – semangat perpaduan di pelbagai peringkat, di antara rakyat sesama rakyat – di antara rakyat bersama pemimpin – di antara rakyat dengan Raja. Bila perimbangan dan kesaksamaan ini dicemari, akan berlakulah kepincangan, akan berlakulah penentangan rakyat, akan berlakulah persengketaan; akibatnya takhta gugur dan negara lebur.

27. Setelah Persekutuan Tanah Melayu dibentuk, Islam kekal di bawah bidang kuasa budi bicara langsung Raja Pemerintah. *Adat* dalam erti kata undang-undang kini terletak dalam bidang kuasa cabang legislatif di peringkat penggubalan dan cabang kehakiman di peringkat penghakiman. *Mesyuarah* bolehlah ditafsirkan telah dipindahkan tanggung jawabnya kepada cabang eksekutif dan cabang legislatif. Jika masih ada komponen *mesyuarah* yang berada

dalam bidang kuasa budi bicara langsung Raja Melayu ia adalah di peringkat Majlis Raja-Raja dan Majlis Agama Islam.

28. Konsep moden warganegara diperkenalkan secara perundangan setelah negara mencapai kemerdekaan. Warga Malaysia hari ini, terdiri dari pelbagai latar belakang kaum dan agama, mengamalkan pelbagai budaya, bertutur pelbagai bahasa. Senario kepelbagaian ini bukanlah sesuatu yang baru di bumi ini kerana tercatat dalam sejarah, Melaka adalah sebuah kota kosmopolitan yang aman lagi harmoni. Di puncak kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, lapan puluh (80) bahasa dipertuturkan di kota pelabuhan tersebut.

29. Di samping kepelbagaian kaum, agama, budaya dan bahasa, terdapat pula perbezaan di antara warga bandar dengan warga desa dan di antara generasi tua dengan generasi muda. Wujud pula perbezaan yang dipengaruhi oleh faktor-faktor tahap pencapaian akademik, tahap pencapaian sosioekonomi dan di antara yang kaya dengan yang miskin, ditambah pula perbezaan di antara budaya pelajar yang dihasilkan oleh sekolah kebangsaan dengan yang dihasilkan oleh sekolah jenis kebangsaan, perbezaan antara siswazah lulusan Institut Pengajian Awam dengan lulusan Institut Pengajian Swasta, begitu pula dengan tenaga kerja di sektor awam dengan tenaga kerja di sektor swasta, demikian juga terdapat



perbezaan di antara jentera Kerajaan di peringkat Persekutuan dengan jentera Kerajaan di peringkat negeri.

30. Demikian kompleksiti landskap demografi Malaysia hari ini. Faktor-faktor kepelbagaian dan elemen-elemen perbezaan tentunya meningkatkan cabaran terhadap usaha memupuk perpaduan. Memastikan perpaduan berjaya dipupuk dalam negara yang sedemikian pelbagai, bukannya satu opsyen; ia adalah satu kemestian; satu kemestian yang mesti dicapai. Memupuk perpaduan adalah impian besar, adalah hasrat besar – adalah tugas besar. Impian, hasrat dan tugas besar tidak mungkin dicapai melalui formula yang terlalu *simplistic*. Ia tidak dapat dicapai melalui sambutan berunsur perayaan - melalui pesta - melalui jamuan – melalui perhimpunan. Ia tidak dapat dicapai melalui slogan, melalui nyanyian, melalui adukan pelbagai tarian dalam irama yang satu, melalui pakaian batik yang seragam. Ia tidak dapat dicapai melalui program politik yang berpihak – melalui program agama yang berpuk – melalui program berbentuk kosmetik. Usaha memupuk perpaduan memerlukan ramuan yang lebih kreatif, pendekatan yang lebih efektif, pelaksanaan yang lebih konsisten, minda yang lebih terbuka, Lebih dari itu ia menuntut kepada perekayasaan dasar, menuntut kepada program bertindak yang realistik lagi produktif, lahir dari ketulusan hati – dicetus dari kejujuran niat; dibeningkan dengan sifat rendah diri – diheningkan dengan sifat yang tidak angkuh. Ia memerlukan

pelaksanaan yang bersungguh oleh individu – oleh organisasi – oleh institusi yang benar-benar komited; hingga gerak kerja dan pendekatannya benar-benar menyentuh sanubari warga – dihayati warga; hingga memberikan keyakinan kepada warga akan hasil dan nikmat dari kejayaan pelaksanaannya.

31. Peristiwa tertentu yang berlaku di dalam negara kebelakangan ini semakin bercanggah dengan semangat perpaduan. Ia lebih berbentuk menongkah arus. Ia lebih menjurus kepada perpecahan. Suhu politik negara semakin panas. Gendang politik semakin dipalu, suhu politik semakin membara, mendidihkan lava–lava persengketaan, menanti masa untuk meluap. Suara perpaduan semakin jauh dibawa angin. Suasana politik semasa semakin mencalarkan nama negara. Negara sedang menghadapi ujian berbentuk krisis persepsi, akibat dari pertentangan politik yang semakin memisahkan. Sentimen dan emosi semakin menguasai pemikiran warga, fakta dan kenyataan semakin kehilangan kekuatan. Semangat berunding – semangat bersefahaman – semangat saling menghormati bagai tidak diperlukan lagi. Senario ini menuntut negara – menuntut warga melakukan pemeriksaan semula asas-asas andaian sedia ada dalam menghadapi era perubahan dan dalam menghadapi tuntutan kepada perubahan yang berlaku pada kadar terlalu pantas.

32. Ada asasnya kepada tafsiran bahawa faktor agama, faktor kaum, faktor budaya dan faktor bahasa menjadi penyebab kepada perselisihan; sama ada dicetuskan dari penggunaan kalimah ALLAH atau dicetuskan dari penggunaan perkataan tertentu di dalam sebuah novel. Benar, peristiwa 13 Mei 1969 adalah peristiwa pahit yang tercetus di antara Melayu dan bukan Melayu, tetapi kita juga harus bertanya sama ada perselisihan kaum itu semata-mata berpunca dari rasa *allergy* dan tiada toleransi di antara Melayu dengan bukan Melayu. Hakikat yang ditemui kemudiannya, memperlihatkan terdapat banyak elemen lain, yang sedikit demi sedikit menyemaikan benih-benih keresahan. Sentimen perkauman hanya dijadikan kuda tunggangan apabila keresahan sudah tidak dapat dibendung lagi. Peristiwa 13 Mei adalah letusan merapi warga terhadap banyak isu lain di dalam negara; menyentuh isu kepimpinan, isu kemiskinan, isu kesaksamaan agihan kekayaan negara, isu pelaksanaan Bahasa Kebangsaan, dan pelbagai isu yang meresahkan warga. 13 Mei adalah hari berlakunya satu peristiwa pahit. Namun ia tidak berlaku begitu sahaja, ia tidak mungkin berlaku secara melatah, ia tidak berlaku secara mengejut, ia adalah letupan yang dicetuskan dan mengandungi pelbagai komponen.

33. Apabila pemimpin menyedari kesilapan, bersedia mengakui kelemahan, insaf dan memilih untuk bermuhasabah, maka akan dilimpahkan rahmat oleh ILAHI; dan ALLAH Yang Maha Berkuasa

akan membimbing umat Nya menemui jalan yang diredai. Dengan bimbingan ILAHI juga, dipertemukan laluan penyelesaian, lalu terhasil formula perpaduan politik yang lebih merangkumi dan tercipta formula pembangunan ekonomi yang lebih saksama. Lahirlah Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru, tertubuh Universiti Kebangsaan, Universiti Teknologi, Universiti Pertanian dan pelbagai institusi pengajian lagi, terbangunnya pelbagai agensi kewangan, bank dan badan-badan berkanun bertujuan menyeimbangkan situasi, membela nasib sebahagian warga yang lama terpinggir. Amatlah melegakan Raja Pemerintah selaku payung negara memberikan perkenan kepada dasar yang mencerminkan kesaksamaan – dasar yang dapat menjadi instrumen memupuk perpaduan.

34. Kitab Al-Quran mengandungi ayat-ayat suci. Kitab tersebut kekal suci dan tidak akan melakukan salah. Yang salah adalah ummah yang tidak mematuhi ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran. Oleh itu Al-Quran tidak pernah dibakar kerana kesalahan ummah; yang wajib dihukum adalah mereka yang telah terseleweng dari ajaran Al-Quran. Dalam semangat yang sama, *dasar* yang baik tidak pernah berdosa. Oleh itu *dasar* yang baik tidak patut dipersalahkan hingga dihukum. Yang bersalah adalah kalangan mereka yang menyalahgunakan dasar untuk kepentingan diri. Amatlah *ironic* apabila *dasar* yang baik dipersalahkan, sedangkan pihak yang menodai dasar dilepaskan bebas. Bagaimanakah payung

naungan Raja diharapkan untuk memberikan naungan perlindungan kepada amalan songsang yang telah menjejaskan keharmonian kosmos.

35. Hari ini tidak bijak, jika negara dan warga memilih untuk menafikan realiti hingga kabur pandangan kepada sebab musabab sebenar yang menjadi punca menjejaskan perpaduan. Adalah benar, persaingan politik semakin sengit; adalah benar isu agama dan isu kaum amat sensitif. Namun persaingan politik hanyalah mengambil kesempatan memperjudikan isu agama dan isu kaum, untuk mengeksploitasi sentimen ketidakpuasan hati warga yang lebih rencam; menyentuh integriti, rasuah, penyalahgunaan kuasa, agihan kekayaan, sistem penyampaian, pengangguran, perumahan, inflasi, pendatang asing, kebebasan media dan bermacam-macam lagi, perkara-perkara yang menyentuh kehidupan harian rakyat, perkara yang generasi muda terpelajar menuntut kepada pembaharuan. Keresahan-keresahan warga kini semakin menyalakan sekam kemarahan.

36. Bagaimanakah Raja dapat berperanan secara bermakna, sekiranya Raja senantiasa dilukiskan dengan sebaik-baik gambaran. Ia bukan sahaja melukiskan gambaran palsu tetapi telah tidak bersifat adil kepada Raja; menindakkan hak Raja menyempurnakan tanggung jawab secara saksama untuk membolehkan peranan Raja

diterima baik oleh warga. Malah dibimbangkan perbuatan melindungi Raja dari kebenaran akan semakin memisahkan Raja dengan warga. Amat sulit untuk membicarakan soal integriti, soal kenegaraan, soal kesetiaan dan soal perpaduan kepada warga yang sedang mengharungi tekanan hidup. Amat mudah sentimen warga dieksploitasi dan amat mudah untuk mereka termakan janji. Preskripsi yang menyembuhkan hanya dapat diberikan jika sindrom yang sebenar dikenal pasti; lalu membawa ingatan Beta kepada dialog di antara Bendahara Paduka Raja dengan Sultan 'Alauddin ketika Baginda menziarahi Bendahara Paduka Raja yang sedang tenat sakit. Bendahara Paduka Raja secara tegas berdatang sembah dengan kata-kata berikut:

*Petikan. '...Hendaklah jangan tuanku dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya, jikalau tuanku dengarkan sembah orang yang sedemikian itu akibatnya tuanku menyesal. Yang kehendak nafsu jangan tuanku turutkan, karena banyak raja-raja yang dibinasakan Allah Ta'ala kerajaannya sebab menurut hawa nafsunya'*<sup>13</sup>

### **Petikan dari Sulalat-al Salatin**

Berpandukan petikan tersebut amatlah penting untuk Raja tidak dilindungi dari kebenaran. Raja perlu disembang maklumkan secara

---

<sup>13</sup> Muhammad Haji Salleh, Pengenalan kepada Sulalat al-Salatin: Karangan Tun Seri Lanang. (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), xxvi

berterus terang cerita sebenar. Raja jangan sama sekali dipagari oleh mereka yang berkepentingan diri hingga Raja tergamak diperalatkan. Di sebaliknya Raja wajib memiliki kumpulan penasihat yang jujur lagi ikhlas, kumpulan penasihat yang peka kepada denyut jantung dan denyut nadi warga, kumpulan penasihat yang tegas lagi berani menyatakan yang benar. Raja sendiri hendaklah bersedia menerima hakikat dan kenyataan, betapa pahit dan berat sekalipun kerana keadilan tidak mungkin dapat ditegakkan tanpa kebenaran.

37. Istana mungkin dilindungi pagar tinggi secara fizikal, namun ia tidak menghalang kepada berita dan peristiwa menembusi jendela - menembusi pintu istana. Kerana Raja bukan monumen hiasan yang kaku - tanpa nyawa – tanpa jiwa, sekadar pelengkap, memenuhi adat rakyat beraja – negeri bersultan, sekadar simbol untuk menyempurnakan tugas-tugas kerajaan, sekadar hadir memenuhi acara dan istiadat. Segala yang berlaku adalah dalam ruang penglihatan, ruang pendengaran dan ruang pertuturan Raja. Segala yang berlaku diikuti oleh istana secara dekat, diteliti dan dihalusi, ditimbang cerita, diimbangkan berita.

38. Hikmah dan kebijaksanaan amat penting untuk mentafsir secara saksama akan situasi rumit yang sedang berlegar dalam orbit negara ketika ini. Dalam setiap perselisihan dan dalam segala perbalahan, tidak mungkin satu pihak betul semua dan tidak mungkin

satu pihak salah semua; tetapi kaedah mencari kemenangan mutlak dan kaedah mahu menjatuhkan lawan telah mengetepikan elemen adab, elemen adat, elemen moral dan elemen agama. Jika suhu politik semakin panas, dikhuatirkan impian untuk membina perpaduan mungkin akan menemui mimpi ngeri yang sangat menakutkan.

39. Oleh itu perlu ada institusi yang *credible* untuk menurunkan suhu yang semakin panas; perlu ada institusi yang kekal berkecuali; institusi yang dapat diterima untuk membantu menenangkan suasana. Untuk itu amatlah penting dipastikan Raja kekal dalam disiplin yang berada di atas segala polemik politik. Tetapi Raja juga ada amanah - ada tanggung jawab untuk memastikan negara aman dan warga hidup secara rukun – secara damai. Raja perlu menggunakan kebijaksanaan akal bicara, memilih sebaik ketika dalam ruang kuasa yang diperuntukkan untuk menenangkan situasi. Namun Raja tidak ada lampu ajaib mengupayakan Raja memupuk perpaduan dalam sekelip mata – dengan sebaris kata, jika suasana sudah terlalu berkecamuk.

40. Sebaik peranan kepada Raja adalah untuk memberikan nasihat secara tertutup kepada pelbagai instrumen negara akan tanggung jawab masing-masing supaya Raja tidak disalah tafsir mahu mencero bohi sempadan dengan mencampuri secara langsung urus



tadbir negara. Bahawa Raja Berperlembagaan turut memiliki tiga hak untuk memenuhi peranannya, ia itu hak untuk menyampaikan nasihat dan pandangan, hak untuk memberi galakan dan dorongan dan hak untuk memberi peringatan dan teguran yang boleh dilaksanakan secara bijaksana lagi berhemah. Secara umum, peranan Raja terbatas bertindak atas nasihat pimpinan kerajaan pilihan rakyat. Namun Raja juga tidak harus sama sekali tertekan dan tidak semestinya memberi perkenan, jika nasihat yang disembahkan amat bercanggah dengan semangat Perlembagaan, amat bertentangan dengan keluhuran undang-undang serta amat melanggar prinsip keadilan sejagat. Tugas lebih langsung terletak di bahu pelbagai instrumen negara. Kredibiliti beberapa instrumen negara memerlukan usaha pemulihan persepsi dan ada yang memerlukan penambahbaikan selaras dengan dinamik dunia semasa dalam hasrat mengembalikan keyakinan warga.

41. Senario politik negara selepas Pilihan Raya kedua belas sangat berbeza . Perpaduan tidak akan berjaya dipupuk dalam situasi politik yang tidak stabil dan tidak matang. Perlu ada penerimaan kepada realiti. Perlu ada fahaman bahawa tuntutan melakukan perubahan kepada yang lebih baik adalah lumrah alam. Perlu ada kematangan dalam menyampaikan teguran – perlu ada etika ketika menyuarakan kritikan. Teguran dan kritikan untuk penambahbaikan, positif nadanya dan positif penerimaannya; tetapi teguran dan kritikan

dengan tujuan mendatangkan keaiban peribadi dan merendahkan lawan politik, negatif coraknya dan negatif hasilnya. Perlu diterima hakikat menang kalah dalam demokrasi. Perpaduan memerlukan kesediaan melakukan pengorbanan, menerima kekalahan dengan reda dan merayakan kemenangan dengan keinsafan.

42. Ketika kesetiaan warga kepada negeri masing-masing begitu mendalam – ketika warga memiliki kebanggaan terhadap warisan, adat dan tradisi setempat, Raja-Raja Melayu telah mempamerkan jiwa besar memberi perkenan menyerahkan kedaulatan negeri masing-masing untuk membolehkan penubuhan sebuah Persekutuan, sebuah negara bangsa yang lebih besar dan lebih agung. Sesungguhnya Sembilan Raja Melayu pada hakikatnya telah membuktikan sebaik contoh semangat perpaduan dengan kerelaan menyerahkan kedaulatan negeri masing-masing untuk membolehkan tertubuhnya sebuah Persekutuan di bawah konsep *Federal isme*. Majlis Raja-Raja adalah satu forum penyatuan membawa pemerintah negeri ke forum yang sama secara berkala dan telah membantu memperkukuhkan konsep Persekutuan.

43. Konsep Persekutuan yang dibentuk wajib difahami sedalam-dalamnya untuk memastikan berlaku keharmonian dalam hubungan Persekutuan dengan negeri. Perselisihan pemimpin akan mempengaruhi hubungan warga dan menjadi faktor penghalang

kepada pencapaian perpaduan. Terkandung agihan kuasa di antara Pusat dan Negeri dan jaminan autonomi negeri secara selektif dalam bidang tertentu. Salah satu panduan yang termaktub dalam Perlembagaan ialah kedaulatan pemerintahan di antara tiga belas Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Perkara ini bagaikan terlepas pandang dalam tempoh lima puluh satu tahun pertama negara Merdeka, kerana dalam tempoh tersebut Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kecuali Trengganu dan Sabah (untuk seketika) dan Kelantan, dikuasai oleh kumpulan politik yang sama. Pilihan raya kedua belas telah menukar landskap politik negara dan memerlukan tafsiran yang lebih konstruktif demi menjamin perpaduan warga tidak terjejas, demi mengelak tumbuhnya kembali sentimen kenegerian yang parokial sifatnya, yang berpotensi mencetuskan keretakan di kalangan warga.

44. Profesor Harry Groves<sup>14</sup> dalam tahun 1964, mendapati bahawa pemerintahan beraja memberikan satu *“simbol perpaduan yang ketara dalam sebuah negara yang terpapar mempunyai kepelbagaian”*. Beta memberanikan diri menambah selanjutnya, bahawa sejak dari masa tersebut, akar umbi pemerintahan beraja telah mengakar lebih mendalam di bumi yang ditumbuhi pelbagai budaya ini. Apa yang pada suatu ketika dahulu dianggap pada asas

---

<sup>14</sup> Professor Harry Groves, *The Constitution of Malaysia* (Singapura: Malaysia Publications Ltd., 1964). Lihat juga S. Jayakumar dan Trindade, “The Supreme Head of the Malaysian Federation”, *Malaya Law Review* 6 (1966) 280-302

sebagai satu institusi Melayu kini diterima oleh semua pihak sebagai faktor penyatuan. Raja-Raja tidak sama sekali dipinggirkan malah merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat umum yang ketara memberi sumbangan kepada ketenteraman negara dan perpaduan warga. Pemerintahan beraja di Malaysia pasti berupaya memenuhi peranan proaktif dalam memupuk semangat 'satu komuniti – satu negara' yang diimpikan. Disebabkan kedudukan istimewa mereka di dalam masyarakat, Institusi Raja-Raja bertenaga memenuhi peranan secara lebih bermakna.

45. Raja berperanan sebagai tonggak kestabilan – sumber keadilan, teras perpaduan – payung penyatuan. Raja dalam menyempurnakan peranan perlu memahami denyut nadi dan denyut jantung warga yang berada di bawah naungan. Raja hendaklah berdada lapang – berfikiran terbuka menimbang dan mengimbang rintihan serta perasaan warga dalam usaha membantu ke arah membina warga yang berpadu lagi bersatu. Dalam dinamik politik yang sedang berlaku, bertambah penting bagi Raja untuk berada di atas segala yang sedang berlaku – bersifat berkecuali supaya dalam keadaan berlakunya krisis, Institusi Raja berupaya memberikan nasihat, teguran dan pandangan yang mencerminkan keadilan tanpa memihak.

46. Sebagai payung negara, Institusi Raja wajib memberi naungan secara saksama kepada setiap warga tanpa mengira kaum atau agama seperti yang tersurat dalam salah satu dari *Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu*. Sebagai Ketua Agama Islam dan pelindung kepada adat Melayu, Institusi Raja bertanggung jawab memastikan kesucian Islam tidak tercemar dan identiti bangsa kekal dilindungi. Raja adalah payung kedaulatan negara. Payung kedaulatan negara ini jangan sama sekali dirosakkan – jangan sama sekali ditiriskan, jangan hanya dicari bila panas terlalu terik atau hujan sudah pun turun. Payung negara ini adalah lambang kedaulatan warga – lambang kedaulatan negara, memberi teduh di hari panas, menangkis air di hari hujan.

Semoga Raja Kita Selamat Bertakhta.

Wabillahi taufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.